

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat penting mengenai insurans anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga digalakkan membacanya.



Tarikh:

1 Apakah Smart SME Plus?

Smart SME Plus ialah Pelan Perubatan Berkelompok yang memberikan perlindungan terhadap perbelanjaan penghospitalan dan pembedahan yang berpunca daripada penyakit serta kecederaan yang dilindungi di bawah polisi, dengan pelan pilihan manfaat klinikal tambahan. Polisi ini direka khas untuk syarikat yang mempunyai sekurang-kurangnya 10 orang pekerja hingga 150 orang pekerja (dalam kategori pekerjaan kelas 1 hingga 3, sila rujuk kepada risalah yang tersedia di [Brochure | Generali Malaysia](#)).

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan sebanyak **RM633** setiap pekerja, mereka yang memilih **Pelan Tanpa Tunai 4 - 160** di bawah Manfaat Penghospitalan dan Pembedahan akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini **meliputi**:

1. Bilik Hospital & Makan Harian (had harian sehingga 180 hari) – **RM160**
2. Unit Rawatan Rapi (maksimum 30 hari) – **Seperti yang dicaj**
3. Bekalan dan Perkhidmatan Hospital – **Seperti yang dicaj**
4. Yuran Pakar Bedah – **Seperti yang dicaj**
5. Yuran Pakar Bius – **Seperti yang dicaj**
6. Yuran Bilik Pembedahan – **Seperti yang dicaj**
7. Lawatan Harian Doktor Di Hospital (maksimum 180 hari) – **Seperti yang dicaj**
8. Ujian Diagnosis Pra-Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum kemasukan hospital) – **Seperti yang dicaj**
9. Konsultasi Pakar Pra-Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum kemasukan hospital) – **Seperti yang dicaj**
10. Pendapat Pembedahan Kedua (dalam tempoh 60 hari sebelum kemasukan hospital) – **Seperti yang dicaj**
11. Rawatan Lanjutan Selepas Keluar Hospital (dalam tempoh 60 hari selepas keluar hospital) – **Seperti yang dicaj**
12. Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan, dengan rawatan susulan sehingga 60 hari) – **Seperti yang dicaj**
13. Rawatan Pergigian Akibat Kemalangan (dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan, dengan rawatan susulan sehingga 14 hari) – **Seperti yang dicaj**
14. Rawatan Kanser Pesakit Luar – **Seperti yang dicaj**
15. Rawatan Dialisis Ginjal Pesakit Luar – **Seperti yang dicaj**
16. Prosedur Penjagaan Harian – **Seperti yang dicaj**
17. Yuran Ambulans (melalui jalan raya) – **Seperti yang dicaj**
18. Cukai Perkhidmatan Kerajaan
19. Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia (maksimum 180 hari) – **RM100**
20. Rawatan Kecemasan akibat Penyakit (10 malam – 8 pagi) – **RM100**
21. Bayaran Balik Yuran Laporan Perubatan – **RM80**
22. Pemindahan Perubatan Kecemasan – **RM10,000**
- Had Tahunan Keseluruhan (setiap individu) – **RM35,000**
23. Perbelanjaan Pengebumian – **RM10,000**

Polisi ini **tidak termasuk**:

- Penyakit sedia ada bagi tempoh 12 bulan pertama perlindungan.
- Sebarang rawatan atau pembedahan untuk kecacatan kongenital atau keabnormalan, termasuk penyakit keturunan.
- Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh 30 hari pertama dari tarikh kuat kuasa perlindungan atau tarikh pemulihan semula Orang Diinsuranskan, yang mana lebih lewat, kecuali bagi kecederaan akibat kemalangan.
- Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau mencederakan diri dengan sengaja, sama ada dalam keadaan waras atau tidak waras.
- Gangguan psikotik, mental atau saraf.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

<p>Dengan membayar premium tambahan sebanyak RM675 setiap pekerja, anda boleh meluaskan perlindungan untuk merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Manfaat Klinikal (Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah Brochure Generali Malaysia) <p>Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.</p>	
<p>Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai perlindungan insurans anda, anda boleh:</p>	<p>Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:</p> <p>Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 (Luar Negara: +603 2174 1717) Laman Web BNMLINK: bnm.gov.my/BNMLINK</p>
<p> Hubungi kami di 1300 13 2121 atau +603 3007 2121</p>	<p> Layari laman web kami di: Smart SME Plus Generali Malaysia</p>
<p> E-mel kami di: customer.service.gi @general.com.my</p>	<p> Imbas kod QR di atas</p>

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans ini, anda mesti membayar yuran sebanyak:	
Perlindungan Standard (Pelan Insurans Penghospitahan dan Pembedahan)	RM633 (tahunan)
Perlindungan Tambahan (Pelan Insurans Klinikal / Pesakit Luar)	RM675 (tahunan)
Jumlah premium yang perlu anda bayar adalah RM1308	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut	
Duti Setem	RM10
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	10% daripada premium atau RM130.80
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM104.64

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> • Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan. • Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu, termasuk aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko. • Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera dalam tempoh 30 hari bagi sebarang ketidakupayaan yang menimbulkan perbelanjaan yang boleh dituntut, dengan mengemukakan notis bertulis beserta semua bil dan resit asal, laporan perubatan dan dokumen lain yang berkaitan. ○ Individu yang Layak: <ul style="list-style-type: none"> ○ Orang yang diinsuranskan dan pasangan yang sah di sisi undang-undang yang berumur antara 18 tahun hingga 65 tahun (hari jadi yang berikutnya), dengan pembaharuan polisi sehingga umur 70 tahun (hari jadi yang berikutnya). ○ Kanak-kanak yang belum berkahwin berumur sekurang-kurangnya 15 hari, yang bergantung kepada Orang yang Diinsuranskan dari segi kewangan, serta yang berumur sehingga maksimum 24 tahun (hari jadi yang berikutnya). • Kadar premium tidak dijamin. Kami mungkin mengubah premium pada masa hadapan berdasarkan pengalaman keseluruhan kami dalam penajajaminan bagi kelas perniagaan ini. Sebarang perubahan premium akan dimaklumkan dan dibuat pada ulang tahun polisi anda. <p>Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya, anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan memulangkan bahagian premium secara berkadar bagi tempoh insurans yang belum tamat, dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat.